

# Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan dalam Kalangan Guru Tahfiz Sekolah Menengah

**BITARA**

Volume 4, Issue 1, 2021: 009-021  
 © The Author(s) 2021  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [The Implementation Level of Memorisation Activities Among Secondary School Teachers]

Siti Nurjanah Mastor Mustafa,<sup>1</sup> Siti Aisyah Johan<sup>2</sup> & Jimaaín Safar<sup>3</sup>

### Abstrak

Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) merupakan salah satu kesinambungan daripada usaha kerajaan dalam memperkembang pendidikan tafhib kepada murid sekolah menengah. Setelah enam tahun pelaksanaannya, terdapat beberapa permasalahan yang berbangkit antaranya amalan guru dalam pelaksanaan aktiviti hafazan masih pada tahap yang kurang memuaskan. Justeru, kajian ini bertujuan melihat tahap pelaksanaan aktiviti hafazan dalam kalangan guru tafhib sekolah menengah. Kajian ini merupakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai metode pengumpulan data. Responden kajian ini adalah seramai 310 orang guru tafhib sekolah menengah dari pelbagai negeri. Hasil kajian mendapati tahap pelaksanaan keseluruhan aktiviti hafazan adalah berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.075. Namun, jika diteliti dari sudut pelaksanaan setiap aktiviti, terdapat beberapa aktiviti yang kurang diberi perhatian oleh guru. Empat aktiviti yang berada pada tahap tinggi adalah aktiviti tahrir (skor min = 4.79), aktiviti tasmik (skor min = 4.77), aktiviti hafazan baru (4.72) dan aktiviti tahdir (4.45). Bagi aktiviti yang berada pada tahap sederhana tinggi pula adalah aktiviti fiqh ayat (skor min = 3.98), aktiviti murajaah jadid (skor min = 3.78) dan aktiviti murajaah qadim (skor min = 3.15). Manakala aktiviti murajaah minggu berada pada tahap sederhana rendah dengan mencatatkan skor min = 2.96. Hasil dapatan menunjukkan aktiviti murajaah kurang dilaksanakan oleh guru tafhib sedangkan aktiviti murajaah ini merupakan kaedah yang sangat penting bagi proses pengekalan hafazan murid. Justeru, penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti hafazan perlu dititikberatkan oleh para guru agar dapat melahirkan bakal huffaz yang berkualiti.

### Kata kunci:

Kurikulum Bersepadu Tahfiz, Pendidikan Tahfiz, Aktiviti Hafazan.

### Abstract

The implementation of Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) programme using Tahfiz Integrated Curriculum (KBT) is a continuity of government's efforts in expanding tafhib education to secondary school students. After six years of implementation, there were problems such as teacher practices in the implementation of memorization activities still at an unsatisfactory level. Therefore, this study aims to identify the implementation level of memorization activities among secondary school tafhib teachers. This study uses questionnaires survey to 310 secondary schools teachers from all states. The research shows that the implementation level of memorization activities was high with a mean score of 4.075. However, if we focused the implementation of each activity, there were some activities

<sup>1</sup> Pelajar Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310 Skudai, Johor, Malaysia

<sup>2</sup> Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) SMKA Maahad Muar, 84000 Muar, Johor, Malaysia

<sup>3</sup> Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310 Skudai Johor.

### Corresponding Author:

JIMAAÍN SAFAR, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 84000 Skudai, Johor, Malaysia.

E-mail: snjannah89@gmail.com

that were given less attention by teachers. Four activities at a high level are tahriri (mean score = 4.79), tasmik activity (mean score = 4.77), new memorization activity (4.72) and tahdir activity (4.45). For activities at a moderately high levels are fiqh ayat activity (mean score = 3.98), murajaah jadid activities (mean score = 3.78) and murajaah qadim activities (mean score = 3.15). Meanwhile, murajaah mingguan activity was at moderately low with a mean score = 2.96. The findings show that murajaah activities are poorly implemented by tafhiz teachers since the murajaah activities are very important for the process of retaining student memorization. Therefore, improvements in implementation of memorization activities should be emphasized by teachers in order to produce quality huffaz.

**Keywords:**

Kurikulum Bersepadu Tahfiz, Tahfiz Education, Memorization Activities.

**Cite This Article:**

Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan & Jimaaín Safar. 2021. Tahap pelaksanaan aktiviti hafazan dalam kalangan guru tafhiz sekolah menengah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 001-008.

## Pengenalan

Al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan sebagai sumber utama bagi umat Islam untuk dijadikan panduan mencapai kebahagiaan dan kejayaan mereka di dunia dan akhirat. Pendidikan al-Quran telah dimulakan sejak zaman nabi dan berterusan pada zaman para sahabat hingga hari ini. Pendidikan al-Quran adalah asas bagi kehidupan manusia dan menjadi kewajiban bagi setiap orang Islam untuk mempelajarinya dan mempraktikkannya (Ishak, Zulkafli, Majid, Mohd Saad, Mohd Aderi Che Noh, 2020).

Manakala bagi mereka yang menghafaz al-Quran pula akan dikurniakan dengan pelbagai kelebihan bukan sahaja ganjaran di dunia malah juga di akhirat. Menurut Ismail Masyhuri al-Hafiz (1993:87-90), di antara kelebihan yang diperoleh oleh penghafaz al-Quran adalah perlindungan dari Allah s.w.t, menjadi umat Nabi Muhammad yang mulia, tidak merasa takut pada hari kiamat (Mardhiah binti Yahaya, Zetty Nurzuliana binti Rasheed, 2018).

Dalam konteks Negara Malaysia, pendidikan tafhiz al-Quran di Malaysia berkembang dengan pesat bermula daripada kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga sekarang. Pendidikan al-Quran bermula dari rumah ke rumah, pondok atau madrasah, seterusnya semakin meluas di sekolah-sekolah kerajaan. Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan satu kurikulum baru dalam sistem pendidikan negara yang menekankan aspek tahiz al-Quran. Kurikulum Kebangsaan tersebut adalah Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

Pelaksanaan KBT pula merupakan kesinambungan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk melahirkan individu golongan profesional, teknokrat dan usahawan hafiz yang mengamalkan ajaran Islam (mutadayyin) dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan FPK (Habibah, 2018).

Selain itu, proses untuk mencapai objektif yang digariskan oleh KPM dalam pelaksanaan KBT juga lebih menyeluruh. Ia bukan sahaja tertumpu kepada proses hafazan semata, akan tetapi ia juga menekankan ilmu lain iaitu ilmu Maharat al-Quran. Melalui ilmu Maharat al-Quran, pelajar didedahkan dengan pelbagai ilmu kemahiran al-Quran yang

merangkumi tilawah, tajwid, adab al-Quran, ilmu qiraat, amali qiraat dan juga rasm uthmani. Kesan daripada penyusunan ilmu ini, pelajar akan menguasai lebih banyak kemahiran yang ada sebagaimana di dalam al-Quran (KPM, 2016).

Tambahan lagi, program KBT ini akan melalui fasa penilaian di mana para pelajar akan diuji tahap hafazan masing-masing. Penilaian ini akan dilakukan melalui peperiksaan-peperiksaan yang dijalankan sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu peperiksaan SPM (KPM, 2016).

Kesimpulannya, KBT merupakan kurikulum baru yang diperkenalkan oleh KPM dan masih dalam proses penilaian. Justeru, ia membuka banyak ruang dan peluang kajian serta penyelidikan untuk para sarjana bagi menilai dan memperbaiki serta memperkemas pelaksanaan kurikulum ini agar dapat mencapai objektif yang telah digariskan.

## Pernyataan Masalah

Pendidikan tafsir al-Quran berkembang begitu pesat di Malaysia disebabkan permintaan masyarakat yang terlalu tinggi, di samping kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menghafaz al-Quran (Abd Rahman Abd Ghani & Hashim, 2018). Hal ini membuka banyak peluang untuk para pengkaji membuat penyelidikan berkaitan bidang tafsir bagi memperbaiki serta menambah mutu pelaksanaannya di semua peringkat.

Kajian sebelum ini menunjukkan terdapat beberapa isu dalam pendidikan tafsir sama ada di peringkat sekolah menengah mahupun di peringkat yang lebih tinggi iaitu Diploma Tafsir. Kajian yang pernah dilakukan terhadap pensyarah di Darul Quran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Hifz Al-Quran mendapati amalan mereka dalam pengajaran masih di tahap sederhana, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki (Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, & Misnan Jemali, 2015). Manakala di peringkat sekolah menengah, kajian yang pernah dilakukan adalah terhadap guru di Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab. Kajian oleh Mardhiah (2017) juga mendapati amalan guru tafsir di MRSM masih di tahap yang sederhana dan perlu dipertingkatkan bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran hifz al-Quran.

Beberapa kajian sebelum ini juga menyatakan bahawa amalan guru dalam pengajaran hifz al-quran masih di tahap sederhana, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki (Azmil Hashim *et. al*, 2015; Mardhiah *et. al*, 2018; Mohd Abdul Nasir Abd Latif & Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, 2020). Antaranya terdapat dalam kalangan guru yang masih lemah dalam penguasaan ilmu dan pdpc (Mardhiah, 2017; Jamalil, 2017; Zulhilmi, Khairi, & Isha, 2018).

Menurut Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali (2013 & 2015) dalam kajian mereka mendapati guru tafsir banyak menggunakan kaedah tasmik, tadarus, talaqqi dan musyafahah dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka. Namun mereka kurang memberi perhatian terhadap kaedah penulisan dan menghuraikan maksud ayat. Hal ini juga disokong oleh Mohd & Zulfiqar (2020) dalam kajian mereka. Manakala Mardhiah *et.al* (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan guru kurang melakukan ujian tahriri sebagai penilaian kepada pelajar adalah disebabkan oleh masa yang diperuntukkan untuk kelas tafsir tidak mencukupi (Mardhiah, 2017; Jamalil *et. al.*, 2017).

Walaupun seorang guru tahfiz hanya mempunyai bilangan murid dalam lingkungan 10 orang (KPM, 2016) sehingga 15 orang (Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Ahmad Yussuf, & Muhammad Akramin Kamarul Zaman, 2016), hal ini mengambil kira aktiviti yang perlu dilaksanakan bersama murid dalam sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran. Matapelajaran Hifz Al-Quran agak berbeza dengan mata pelajaran lain kerana kebanyakan aktiviti perlu dijalankan secara talaqqi dan musyafahah antara guru dan setiap murid. Oleh itu, jika masa yang diperuntukkan untuk sesebuah kelas hafazan adalah singkat, ianya agak terhad untuk pelaksanaan setiap aktiviti dalam hafazan.

Selain itu, dalam kajian yang dijalankan oleh Mardhiah et. al. (2018) di MRSM UA juga mendapati bahawa kaedah murajaah hafazan setiap hari mencatatkan tahap interpretasi skor min sederhana tinggi. Hal ini membuktikan kaedah murajaah kurang diberi perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran hifz al-Quran sedangkan ia merupakan kaedah yang sangat penting bagi proses pengekalan hafazan murid (al-Qabisi, 1955; Al-Nawawi, 1996).

Kesimpulannya, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) merupakan kurikulum baru dalam sistem pendidikan di Malaysia. Walaupun pelaksanaannya sudah masuk tahun ke-6 (bermula tahun 2014), namun masih terdapat isu dan cabaran yang perlu diatasi dan diperbaiki. Setelah meneliti objektif dan kepentingan pelaksanaan KBT, masih terdapat kelompongan dan kelemahan untuk mencapai objektif tersebut. Isu dan cabaran-cabaran yang ada secara tidak langsung telah mengganggu dalam proses untuk mencapai objektif yang telah digariskan (Zulhilmi et. al, 2018). Cabaran dan permasalahan yang ada perlu diatasi dan diperbaiki bersama bagi merealisasikan harapan negara

Oleh itu, satu kajian dijalankan ke atas guru-guru tahfiz sekolah menengah KPM yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi mengenalpasti tahap pelaksanaan aktiviti hafazan di dalam kelas Hifz Al-Quran yang dijalankan.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan aktiviti *hafazan* dalam kalangan guru tahfiz sekolah menengah KPM yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Aktiviti yang ingin dilihat adalah sebanyak lapan aktiviti iaitu *tahriri*, *hafazan baru*, *tahdir*, *tasmi*, *murajaah jadid*, *murajaah qadim*, *murajaah mingguan* dan *fiqh ayat*. Kesemua aktiviti ini adalah sebagaimana yang telah digariskan di dalam panduan pelaksanaan KBT.

## **Persoalan Kajian**

Apakah tahap pelaksanaan aktiviti hafazan dalam kalangan guru tahfiz sekolah menengah KPM?

## **Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)**

Hasrat KPM melalui pelaksanaan KBT adalah untuk melahirkan golongan profesional hafiz yang berdaya kepemimpinan mantap dan seimbang dapat memberi sumbangan besar kepada transformasi pendidikan negara. Pengurus dan pentadbir sekolah diharapkan dapat memahami

objektif pelaksanaannya dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Kejayaan pelaksanaan KBT amat bergantung kepada komitmen yang tinggi dan usaha gigih semua pihak demi kebaikan dan kemanfaatan agama, bangsa dan negara.

Antara perkara utama yang perlu diperhatikan adalah objektif KBT tersebut. Objektif bagi KBT yang diterangkan dalam Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz 2015 adalah:

1. Melahirkan modal insan yang menghafaz dan memahami 30 juzuk al-Quran.
2. Melahirkan modal insan yang boleh menjalinkan hubungan dengan Allah, sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah;
3. Melahirkan modal insan yang mahir dalam bidang keagamaan dan profesional berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah; dan
4. Melahirkan modal insan yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir serta berfikiran kreatif dan inovatif.

Selain itu, maklumat asas pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz 2016 juga menerangkan kepentingan KBT kepada sekolah, masyarakat, bangsa, agama dan negara. Kepentingan tersebut adalah untuk menyediakan bakal ulama, cendekiawan Islam yang menghafaz al-Quran yang berkaliber dan bertaraf dunia. Untuk itu kurikulum ini digubal berhasrat melahirkan agamawan yang menghafaz al-Quran ke arah mencapai keredaan Allah. Kefahaman yang sahih dari kurikulum ini dapat menjadi asas kukuh mempertahankan kesucian agama Islam dari ajaran sesat dan menyeleweng supaya masyarakat dapat menghindar diri dari kumpulan songsang yang sering muncul dalam masyarakat serta menyediakan Negara Malaysia sebagai hub pendidikan agama Islam bertaraf dunia.

Dalam proses mencapai matlamat yang digariskan dalam pelaksanaan KBT, guru memainkan peranan yang amat penting bagi merealisasikan tujuan tersebut. Justeru, satu garis panduan berkaitan guru KBT telah dikeluar dalam Maklumat Asas Pelaksanaan KBT (KPM, 2016), iaitu uru tahfiz yang mengajar di sekolah menengah KPM yang menggunakan KBT adalah diberi keutamaan kepada mereka yang memiliki kelulusan sehingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Tahfiz atau Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat. Bagi mereka yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam yang lain dan bidang Bahas Arab pula perlu mempunyai Sijil Tahfiz Malaysia yang diiktiraf oleh Darul Quran JAKIM atau Diploma Tahfiz yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Guru-guru ini juga disyaratkan agar memiliki kelulusan ikhtisas dalam bidang pendidikan.

Guru tahfiz bertanggungjawab dalam melaksanakan kelas hifz Al-Quran dengan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti di dalam jadual berikut:

**Jadual 1 Aktiviti Yang Perlu Dilaksanakan Oleh Guru Tahfiz Semasa Kelas Hifz Al-Quran Sebagaimana Yang Digariskan Di Dalam Surat Pekeliling Dan Panduan Pelaksanaan KBT**

Bil	Aktiviti	Perincian
1	<i>Tahriri</i>	Tahriri Hafazan ialah aktiviti murid menulis ayat-ayat al-Quran untuk hafazan baharu sebanyak 1 muka surat secara individu selama 30 minit di dalam buku yang disediakan bagi persediaan tasmik dengan pantauan guru.
2	Hafazan baru	Aktiviti menghafaz ayat-ayat Hafazan Baharu sebanyak 1 muka surat secara individu yang akan ditasmik pada keesokan hari dengan pantauan guru.
3	<i>Tahdir</i>	Aktiviti menyemak dan memperkuuhayat-ayat hafazan baharu murid di hadapan guru secara individu sebagai persediaan sebelum aktiviti tasmik.
4	<i>Tasmik</i>	Aktiviti murid memperdengarkan ayat-ayat hafazan baharu di hadapan guru secara individu sebanyak 1 muka surat.
5	<i>Murajaah jadid</i>	Aktiviti mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz murid sebanyak 2 muka surat sebelum muka surat tasmik di hadapan guru secara individu.
6	<i>Murajaah qadim</i>	Sebagai contoh, sekiranya muka surat tasmik ialah muka surat 20 maka Murajaah Hafazan Baru ialah muka surat 18 dan 19. Aktiviti mengulang hafazan dua muka surat secara bergilir-gilir (kaedah tadarus) sebanyak 1 juzuk sebelum Juzuk tasmik. Setiap murid melakukan murajaah di hadapan guru.
7	<i>Murajaah mingguan</i>	Sebagai contoh, sekiranya juzuk tasmik semasa ialah juzuk 2 maka Murajaah Hafazan Lama ialah juzuk 1. Aktiviti mengulang hafazan sebanyak empat muka surat meliputi semua muka surat yang telah dihafaz pada minggu tersebut di hadapan guru secara individu
8	Fiqh ayat	Aktiviti murid menerangkan intisari kefaham ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz pada minggu tersebut sebanyak 4 muka surat di hadapan guru secara individu

\*\*\* Guru Tahfiz merekodkan aktiviti Tasmik, Murajaah Hafazan Baharu, Murajaah Hafazan Lama, Murajaah Mingguan dan Fiqh al-Ayat dalam buku rekod yang disediakan.

## Metodologi

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif bersifat deskriptif bertujuan untuk melihat tahap pelaksanaan aktiviti hafazan dalam kalangan guru tahfiz sekolah menengah. Tahap pelaksanaan aktiviti pula dilihat berdasarkan lapan aktiviti yang ditetapkan di dalam surat pekeliling dan panduan pelaksanaan KBT dan TMUA. Pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik terhadap 310 orang guru yang mengajar subjek Hifz Al-Quran sekolah menengah KPM yang menggunakan KBT. Bilangan saiz sampel guru ditentukan berdasarkan perkiraan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan Sekaran (1992).

Penyelidik menggunakan Skala Likert Lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian. Skala Likert adalah skala yang sesuai untuk mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan perspektif dan sikap (Cohen, Manion, & Morrison, 2000).

Responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu nombor dari satu hingga lima berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut. Skala kekerapan jenis Likert, iaitu Tidak Pernah (TP) diberi skor (1) hingga kepada Sangat Kerap (SK) yang diberi skor (5). Interpretasi terhadap nombor-nombor dan skala-skala seperti di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Skala Likert Lima Mata dan Interpretasi Kekerapan Pelaksanaan Aktiviti Hafazan

Skala	Kekerapan Pelaksanaan Aktiviti
1	Tidak Pernah
2	Jarang
3	Kadang-kadang
4	Kerap
5	Sangat Kerap

Bagi tujuan penganalisisan data secara deskriptif, pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences 23.0* (SPSS). Analisis menggunakan min, sisihan piawai, dan peratusan bertujuan untuk mentafsir dapatan kajian dengan lebih terperinci. Pengkaji menghuraikan analisis deskriptif ini menggunakan interpretasi skor min seperti jadual di bawah:

Jadual 3: Nilai min mengikut skor dan interpretasi

Skor min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

Sumber: Nunally & Bernstein, (1994)

## Dapatan Kajian

### Demografi Guru Tahfiz

Seramai 310 orang guru tahfiz telah menjawab soal selidik yang diedarkan. 167 orang responden terdiri daripada guru lelaki yang mewakili 53.9% dan selebihnya terdiri daripada guru perempuan yang mewakili 46.1% daripada keseluruhan responden.

Dari aspek umur responden, responden berumur 26-30 tahun merupakan golongan yang paling ramai menjawab soal selidik ini iaitu seramai 155 orang dan mewakili 50.0% daripada keseluruhan responden. Manakala responden yang berumur melebihi 40 tahun merupakan golongan yang paling sedikit menjawab soal selidik ini iaitu seramai 5 orang dan mewakili hanya 1.6% daripada keseluruhan responden. Seterusnya bagi golongan guru berumur lingkungan 21-25 tahun dan 31-35 tahun masing-masing seramai 8 orang dan 118 orang yang mewakili 2.6% dan 38.1% daripada jumlah keseluruhan responden.

Seterusnya aspek kelulusan tertinggi guru, terdapat seorang guru yang mempunyai kelulusan sehingga peringkat Ijazah Kedoktoran, PhD (0.3%), 28 orang guru (9.0%) berkelulusan Ijazah Sarjana dan selebihnya iaitu seramai 281 orang guru (281%) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai bidang pengajian.

Demografi guru juga dikaji dari sudut pengalaman mengajar tahfiz di sekolah menengah KPM. Seramai 112 orang guru (39.7%) baru memulakan kerjaya selama 1-2 tahun sebagai guru tahfiz KPM. Seterusnya seramai 113 (36.5%) orang guru sudah berkhidmat sebagai guru tahfiz selama 3-4 tahun dan selebihnya iaitu seramai 74 orang (23.9%) sudah berkhidmat selama lima tahun dan lebih sebagai guru tahfiz sekolah menengah KPM.

Kepelbagaian demografi guru tahfiz juga dilihat dari sudut status pengambilan ikhtisas perguruan. Analisis mendapati, seramai 171 orang guru (55.2%) sudah memiliki ikhtisas perguruan, seramai 79 orang guru (25.5%) sedang mengikuti ikhtisas perguruan dan selebihnya iaitu 60 orang guru (19.4%) belum mengikuti mana-mana ikhtisas perguruan.

Seterusnya, pengkaji mendapati seramai 197 orang guru (63.5%) terdiri daripada guru yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 62 orang guru (20.0%) mengajar di Sekolah Menengah Agama atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SMA/SABK) dan selebihnya iaitu seramai 51 orang (16.5%) mengajar di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI).

Selain itu, pengkaji melihat kepada tempoh kelas hafazan pagi bagi setiap responden. Seramai 188 orang guru (60.6%) menjalankan kelas hafazan pagi selama 2 jam, seramai 104 orang guru (33.5%) menjalankan kelas hafazan pagi selama 2 jam setengah, 12 orang guru (3.9%) menjalankan kelas hafazan pagi selama 3 jam. Manakala selebihnya iaitu seramai 6 orang guru (1.9%) menjalankan kelas hafazan pagi dengan tempoh yang berbeza, antaranya ada yang menjalankan kelas selama 1 jam, 1 jam lima belas minit, 1 jam setengah dan 2 jam lima belas minit.

#### Jadual 4: Demografi Responden

	Item	Kekerapan, f	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	167	53.9
	Perempuan	143	46.1
Umur	21-25 Tahun	8	2.6
	26-30 Tahun	155	50.0
	31-35 Tahun	118	38.1
	36-40 Tahun	24	7.7
	Melebihi 40 Tahun	5	1.6
Kelulusan Tertinggi	Ijazah Sarjana Muda	281	90.6
	Ijazah Sarjana	28	9.0
	Ijazah PhD	1	0.3
Pengkhususan	Qiraat	118	38.1
Bidang	Syariah Islamiah	47	15.2
	Usuluddin	24	7.7
	Al-Quran & As-Sunnah	82	26.5
	Fiqh	18	5.8
	Lain-lain	21	6.8
Pengalaman	1-2 Tahun	123	39.7
Mengajar	3-4 Tahun	113	36.5
	5 Tahun dan lebih	74	23.9
Status Pengambilan	Belum	60	19.4
Ikhtisas Perguruan	Sedang	79	25.5
	Sudah	171	55.2
Jenis Sekolah	SMKA	197	63.5
	SMA/SABK	62	20.0
	SBPI	51	16.5
Tempoh Kelas	2 jam	188	60.6
	2 jam Setengah	104	33.5
	3 jam	12	3.9
	Lain-lain	6	1.9

#### **Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan**

Bagi melihat tahap pelaksanaan aktiviti hafazan dalam kalangan guru tahniz, pengkaji menganalisis menggunakan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai. Jadual di bawah menunjukkan hasil daptatan daripada analisis yang dijalankan;

**Jadual 5 Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan Dalam Kalangan Guru Tahfiz Sekolah Menengah KPM**

	Aktiviti	Tahriri	Hafazan Baru	Tahdir	Tasmi'	Muraja'ah Jadid	Muraja'ah Qadim	Muraja'ah Mingguan	Fiqh Ayat
Tidak Pernah	Kekerapan, F	0	0	8	0	6	12	20	7
	Peratus (%)	0	0	2.6	0	1.9	3.9	6.5	2.3
Jarang	Kekerapan, F	9	5	15	3	54	111	143	57
	Peratus (%)	2.9	1.6	4.8	1.0	17.4	35.8	46.1	18.4
Kadang-Kadang	Kekerapan, F	5	2	25	3	59	74	48	35
	Peratus (%)	1.6	0.6	8.1	1.0	19.0	23.9	15.5	11.3
Kerap	Kekerapan, F	28	66	42	55	75	43	28	47
	Peratus (%)	9	21.3	13.5	17.7	24.2	13.9	9.0	15.2
Sangat Kerap	Kekerapan, F	268	237	220	249	116	70	71	164
	Peratus (%)	86.5	76.5	71.0	80.3	37.4	22.6	22.9	52.9
Min		4.075	4.79	4.72	4.45	4.77	3.78	3.15	3.98
S.P		0.961	0.611	0.575	1.006	0.503	1.179	1.239	1.315
						Sederhana	Sederhana	Sederhana	Sederhana
Tahap	Tinggi	Tinggi	Tinggi	Tinggi	Tinggi	Tinggi	Tinggi	Rendah	Tinggi

Jadual di atas menunjukkan kekerapan dan peratus pelaksanaan aktiviti dalam kalangan guru tahfiz. Bagi aktiviti tahriri, seramai 9 orang (2.9%) guru tahfiz jarang melaksanakan aktiviti ini, 5 orang (1.6%) kadang-kadang melaksanakannya, seramai 28 orang (9.0%) guru tahfiz yang kerap melaksanakan aktiviti ini dan seramai 268 orang (86.5%) sangat kerap melaksanakan aktiviti ini.

Manakala bagi aktiviti hafazan baru, seramai 5 orang (1.6%) guru tahfiz jarang melaksanakan aktiviti ini, 2 orang (0.6%) kadang-kadang melaksanakannya, seramai 66 orang (21.3%) guru tahfiz yang kerap melaksanakan aktiviti ini dan seramai 237 orang (76.5%) sangat kerap melaksanakan aktiviti ini.

Seterusnya bagi aktiviti tahdir, seramai 8 orang (2.6) guru tahfiz tidak pernah melaksanakan aktiviti ini, seramai 15 orang (4.8%) guru tahfiz jarang melaksanakan aktiviti ini, 25 orang (8.1%) kadang-kadang melaksanakannya, seramai 42 orang (13.5%) guru tahfiz yang kerap melaksanakan aktiviti ini dan seramai 220 orang (71.0%) sangat kerap melaksanakan aktiviti ini.

Seterusnya bagi aktiviti tasmik, seramai 3 orang (1.0%) guru tahfiz jarang melaksanakan aktiviti ini, 3 orang (1.0%) kadang-kadang melaksanakannya, seramai 55 orang (17.7%) guru tahfiz yang kerap melaksanakan aktiviti ini dan seramai 249 orang (80.3%) sangat kerap melaksanakan aktiviti ini.

Seterusnya bagi aktiviti murajaah jadid, seramai 6 orang (1.9%) guru tahfiz tidak pernah melaksanakan aktiviti ini, seramai 54 orang (17.4%) guru tahfiz jarang melaksanakan aktiviti ini, 59 orang (19.0%) kadang-kadang melaksanakannya, seramai 75 orang (24.2%) guru tahfiz yang kerap melaksanakan aktiviti ini dan seramai 116 orang (37.4%) sangat kerap melaksanakan aktiviti ini.

Seterusnya bagi aktiviti murajaah qadim, seramai 12 orang (3.9%) guru tahfiz tidak pernah melaksanakan aktiviti ini, seramai 111 orang (35.8%) guru tahfiz jarang melaksanakan aktiviti ini, 74 orang (23.9%) kadang-kadang melaksanakannya, seramai 43 orang (13.9%) guru

tahfiz yang kerap melaksanakan aktiviti ini dan seramai 70 orang (22.6%) sangat kerap melaksanakan aktiviti ini.

Seterusnya bagi aktiviti murajaah mingguan, seramai 20 orang (6.5) guru tahfiz tidak pernah melaksanakan aktiviti ini, seramai 143 orang (46.1%) guru tahfiz jarang melaksanakan aktiviti ini, 48 orang (15.5%) kadang-kadang melaksanakannya, seramai 28 orang (9.0%) guru tahfiz yang kerap melaksanakan aktiviti ini dan seramai 71 orang (22.9%) sangat kerap melaksanakan aktiviti ini.

Seterusnya bagi aktiviti fiqh ayat, seramai 7 orang (2.3%) guru tahfiz tidak pernah melaksanakan aktiviti ini, seramai 57 orang (18.4%) guru tahfiz jarang melaksanakan aktiviti ini, 35 orang (11.3%) kadang-kadang melaksanakannya, seramai 47 orang (15.2%) guru tahfiz yang kerap melaksanakan aktiviti ini dan seramai 164 orang (52.9%) sangat kerap melaksanakan aktiviti ini.

Jika dilihat dari sudut tahap pelaksanaan bagi setiap aktiviti, 4 aktiviti mencatatkan skor min yang berada di tahap tinggi iaitu didahului oleh aktiviti tahriri (4.79), seterusnya aktiviti tasmik (4.77), diikuti aktiviti hafazan baru (4.72) dan aktiviti tahdir (4.45). Bagi aktiviti yang berada di tahap sederhana tinggi pula adalah aktiviti fiqh ayat (skor min = 3.98), aktiviti murajaah jadid (skor min = 3.78) dan aktiviti murajaah qadim (skor min = 3.15). Manakala aktiviti murajaah minggu berada di tahap sederhana rendah dengan mencatatkan skor min = 2.96.

## Perbincangan

Hasil dapatan menunjukkan bahawa aktiviti tahriri merupakan aktiviti yang paling kerap dilaksanakan oleh guru. Hal ini kerana aktiviti ini merupakan aktiviti pertama yang perlu dilakukan oleh murid sebelum mula menghafaz seperti yang telah digariskan di dalam pekeliling pelaksanaan KBT. Setelah itu aktiviti tasmik iaitu aktiviti murid memperdengarkan hafazan di hadapan guru dengan menggunakan kaedah talaqqi dan musyafahah. Hal ini bertepatan dengan hasil kajian Azmil Hashim et. al. (2013 &2015) dan Mohd & Zulfiqar (2020). Aktiviti tahdir pula menduduki tempat ketiga tertinggi selepas aktiviti tasmik. Aktiviti tahdir juga merupakan aktiviti murid memperdengarkan hafazan di hadapan guru secara talaqqi dan musyafahah sebagai persediaan tasmik. Perbezaan tahdir adalah sebagai persediaan untuk murid tasmik di hadapan guru.

Bagi aktiviti yang berada di tahap sederhana rendah adalah aktiviti fiqh ayat. Aktiviti ini merupakan aktiviti di mana murid menerangkan intisari kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz. Kedudukan pelaksanaannya berada di tahap sederhana tinggi bertepatan dengan kajian Mardhiah et. al. (2018). Manakala aktiviti murajaah sama ada murajaah jadid atau qadim juga berada di tahap sederhana tinggi. Bagi aktiviti yang paling jarang dilaksanakan oleh guru tahfiz sekolah menengah adalah aktiviti murajaah mingguan. Ketiga-tiga aktiviti murajaah ini menunjukkan tahap pelaksanaan yang kurang dilaksanakan oleh guru tahfiz bertepatan dengan kajian Mardhiah et. al. (2018). Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana murajaah merupakan kaedah yang sangat penting bagi proses pengekalan hafazan murid (al-Qabisi, 1955; Al-Nawawi, 1996).

## Kesimpulan

Keberhasilan dan kejayaan sesuatu program memerlukan kepada perancangan yang tersusun dan sistematik. Oleh itu, proses penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi memastikan KBT dapat dilaksanakan dengan baik, lancar, berjaya serta menepati matlamat dan objektif yang telah digariskan. Oleh yang demikian kertas kerja ini telah menghuraikan serba sedikit berkaitan isu dan permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan KBT di samping menjelaskan tahap pelaksanaan aktiviti hafazan dalam kalangan guru sekolah menengah KPM. Justeru, kajian perlu diteruskan bagi mengatasi masalah yang berlaku agar program ini menepati objektif pelaksanaannya.

## Rujukan

- Abd Rahman Abd Ghani, & Hashim, A. (2018). Persepsi Guru Tahfiz Al-Quran Terhadap Kemudahan Infrastruktur Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Selangor. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(1), 1–6.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, & Misnan Jemali. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 28–39.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, & Misnan Jemali. (2015). Persepsi Guru Tahfiz Terhadap Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *International Journal Of Islamic Studies and Arabic Language Education*, 2(1), 35–50.
- Habibah Mat Rejab (2018). *Pelaporan Dan Pensijilan Tahfiz Di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Mulai Tahun 2017*. 23-37
- Ishak, Zulkafli, Majid, Mohd Saad,Mohd Aderi Che Noh (2020). Spiritual Values Education To The People With Disabilities From Islamic Perspective. *Journal Of Critical Review*. 7 (15). 848-853
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Surat pekeliling ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 1 tahun 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Mardhiah Yahaya & Zetty Nurzuliana Rasheed. (2018a). Amalan Guru Hafazan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Maktab Rendah Sains Mara ( MRSM ) Ulul Albab. *Jurnal Hal Ehwal Islam Dan Warisan Selangor*, 2(1), 1–13.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana Rasheed & A. F. S. (2018b). Isu Dalam Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis Kelebihan Menghafaz Al-Quran. In *e-Proceeding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kumanusiaan (PASAK3 2018)* (pp. 141–148).
- Mardhiah Yahaya. (2017). Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara. Tesis Sarjana; UPSI.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Ahmad Yussuf, & Muhammad Akramin Kamarul Zaman. (2016). Amalan Pengajaran Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 1(October), 11–20.
- Mohd Abdul Nasir Abd Latif, & Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi. (2020). Pembinaan Modul

Hafalan Al-Quran Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penguasaan Pemahaman Al- Quran Dalam Kalangan Huffaz. *The Online Journal of Islamic Education*, 8(1), 1–26.

Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia : Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 19(Julai), 55–65.

Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang. (2018). Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018*. 321-329

Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang. (2019). Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (Tmua) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research* Vol. 1, July, 2019, 289-316

Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya b. Syarf (1996). *al-Tibyan fi Adabi Hamlatil Quran*. Beirut: Dar Ibn Jazm.

Nunally, J., & Bernstein. I. (1994). Psychometric theory. Edisi ke-3. New York: McGraw Hill.

Al-Qabisi, Abu Hasan Ali Muhammad (1955). *Al-Risalah al-Mufassolah li Ahwal al-Muallimin wa Ahkam al-muallimin wal Mutaallimin*. Kaherah: Dar al-Ihya' Kutub al-Arabiyah.